

PM: Megawati faham sebab kita hantar pulang pendatang

9 AUG 2002

Oleh ZULKEFLI HAMZAH

DENPASAR 8 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Presiden Megawati Sukarnoputri memahami tindakan yang dilakukan oleh Malaysia dalam menangani masalah pekerja tanpa izin Indonesia.

Menurut Perdana Menteri, beliau telah menjelaskan perkara itu dalam perbincangan tertutup dan Megawati menekankan bahawa laporan akhbar yang banyak mengkritik tindakan Malaysia khususnya dalam isu pemulangan pekerja tanpa izin bukan menggambarkan pendirian kerajaan.

"Katanya akhbar (Indonesia) memang suka untuk memfokuskan perkara-perkara yang menarik tetapi itu bukan menggambarkan pandangan kerajaan," katanya pada

sidang akhbar bersama Megawati selepas mengadakan perbincangan dua hala di Istana Tampaksiring di sini, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia terpaksa menghantar pulang pendatang asing tanpa izin khususnya yang tidak mempunyai pekerjaan kerana ada yang terlibat dalam kegiatan tidak diingini.

● Keganasan: Malaysia, Indonesia sendirian — Muka 2

Jelasnya, tindakan yang dilakukan oleh pendatang asing tanpa izin dalam perbuatan itu telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan rakyat Malaysia.

"Malaysia mempunyai 2 juta pendatang asing dan dalam sebuah negara yang mempunyai jumlah penduduk 22 juta, ini ber-

makna hampir 10 peratus daripada penduduk di Malaysia adalah pendatang asing," katanya.

Beliau menambah Malaysia sememangnya memerlukan tenaga rakyat asing untuk bekerja di sektor-sektor tertentu tetapi kadang-kadang ada yang datang tanpa dokumen yang diperlukan mengikut saluran yang ditentukan.

"Ini bukan sahaja melibatkan pekerja dari Indonesia tetapi dari negara lain termasuk Afrika," jelasnya.

Kata Perdana Menteri, mereka yang mempunyai pekerjaan tidak banyak mendedahkan masalah dan kerajaan Malaysia mahu mereka terus bekerja tetapi perlu tetap menghormati undang-undang Malaysia.

■ Lihat muka 4

PM: Megawati faham sebab kita hantar pulang pendatang

Katanya, Malaysia telah member-i masa yang cukup untuk pendatang tanpa izin di Malaysia yang kebanyakannya dari Indonesia untuk kembali ke tanah air tetapi malangnya mereka menunggu saat-saat akhir untuk pulang sehingga berlaku kesesakan.

"Dalam kesesakan itu, tidak dapat tidak berlaku kekasaran mungkin daripada kakitangan kerajaan Malaysia. Kita harap insiden seperti ini tidak menjadi sesuatu yang akan memburukkan hubungan antara dua jiran terdekat," katanya.

Mengulas lanjut pertemuannya dengan Megawati, Dr. Mahathir berkata, ia berlangsung

dalam suasana persahabatan dan walaupun terdapat masalah antara jiran, ia bukanlah perkara yang besar sehingga tidak boleh diselesaikan.

Perdana Menteri berkata, mereka juga menyentuh soal perdagangan yang pada waktu ini memihak kepada Indonesia.

"Ini tidak menjadi masalah kepada Malaysia kerana kita ingin melihat peningkatan dagangan antara Malaysia dan Indonesia. Kita masih berpendapat bahawa perkembangan dalam bidang ini masih boleh diadakan dan ia akan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak," katanya.

Dr. Mahathir yang mengun-

dang Megawati untuk melawat Malaysia tahun depan berkata, secara umumnya perbincangan kali ini amat berguna dan berhasil serta berharap ia dapat diteruskan setiap tahun.

Sempena pertemuan itu, kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani lima memorandum persefahaman.

Memorandum persefahaman yang ditandatangani ialah berhubung kerjasama dalam bidang keluarga dan hal ehwal wanita, hal ehwal imigresen, kerjasama antara majlis perniagaan Malaysia-Indonesia dan bekalan gas asli dari Indonesia.

Satu lagi memorandum perse-

fahaman ialah antara Malaysia, Indonesia dan Thailand berhubung langkah menstabilkan harga dan pasaran getah agar tidak menjejaskan negara-negara pengekuar komoditi itu.

Perdana Menteri Thailand Thaksin Sinawatra, yang tiba di sini hari ini, turut hadir untuk menyaksikan majlis itu.

Dr. Mahathir dan Megawati juga telah menyaksikan pelancaran Lembaga Persahabatan Indonesia-Malaysia (Prima) dan Lembaga Persahabatan Malaysia-Indonesia (Permai). — Utusan.